

PM hadir Persidangan Kerajaan Dunia

DATUK Seri Ismail Sabri turut menyertai Perdana Menteri Emiriah Arab Bersatu (UAE). Sheikh Mohammed Rashid Al Maktoum dalam Persidangan Kerajaan Dunia 2022 di Dubai kelmarin.

Perdana Menteri menerusi perkongsian di Facebook berkata, beliau berharap ikatan Malaysia dan UAE terus terjalin erat dan berpegang teguh kepada satu tali persaudaraan.

Persidangan bertemakan 'Membentuk Kerajaan Masa Hadapan' itu menghimpunkan ketua-ketua negara, serta pakar-pakar pelbagai bidang dari seluruh dunia dan mengetengahkan pelbagai isu global, ekonomi dan pentadbiran menerusi lebih 100 sesi yang diadakan.

Ismail Sabri singgah di Dubai selepas lawatan rasmi tiga hari ke Qatar sejak Sabtu lepas.

Ketua-ketua kerajaan turut membincangkan kerjasama masa hadapan bagi mendepani cabaran luar jangka seperti pandemik Covid-19.



ISMAIL Sabri Yaakob ketika menghadiri Persidangan Kerajaan Dunia di Dubai, Emiriah Arab Bersatu (UAE). semalam. - IHSAN JABATAN PERDANA MENTERI